

Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Maklumat Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang kemudahan anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda juga harus membacanya.

1 APAKAH ITU EXPORT CREDIT REFINANCING-i (ECR-i)

ECR-i adalah kemudahan yang menawarkan:

- I. Untuk memudahkan pembiayaan pembelian/import bahan mentah/barangan siap/pembayaran kos pengeluaran pelanggan berkaitan dengan eksport barangan yang layak di bawah Skim Pra-penghantaran ECR EXIM Bank.
- II. Untuk memudahkan pembiayaan eksport barangan yang layak oleh pelanggan kepada pembeli/pengimport yang diluluskan di bawah Skim Selepas-penghantaran ECR EXIM Bank.

Kemudahan ini boleh membantu membiayai keperluan modal kerja perniagaan/syarikat anda dengan membiayai barangan yang dibeli/dijual, dengan pembayaran ditangguhkan sehingga tarikh matang.

Kontrak Syariah yang berkenaan adalah seperti berikut:

Kontrak	Penerangan	Kebolegunaan
Murabahah kontrak (kos tambah pembiayaan)	Kontrak jualan berdasarkan kos campur di mana kos pemerolehan dan margin keuntungan penjual didedahkan kepada pembeli pada masa kontrak. Penyelesaian harga biasanya dibuat berdasarkan terma pembayaran tertangguh.	<u>Pra-penghantaran ECR-i</u> Di bawah Murabahah, Bank Islam terlebih dahulu melantik pelanggan sebagai ejen pembelinya, untuk membeli bahan mentah yang diperlukan dalam pengeluaran. Sebaik sahaja pelanggan membeli barangan bagi pihak Bank Islam, Bank Islam kemudiannya membayar kepada pembekal tidak langsung setelah penyerahan invois dan menjual semula barangan tersebut kepada pelanggan pada margin keuntungan termasuk harga.
Bai' Dayn kontrak (perdagangan hutang)	Merujuk kepada pembelian dan penjualan instrumen hutang seperti sijil, sekuriti, dokumen perdagangan dan kertas dalam pasaran sekunder yang mematuhi keperluan Syariah. Semua dokumen ini pada asasnya dikeluarkan oleh penghutang kepada pemiutang sebagai bukti hutang. Bai' Dayn berlaku apabila pemiutang menjual dokumen hutang kepada pihak ketiga. Hanya dokumen yang membuktikan hutang sebenar yang timbul daripada transaksi pedagang 'bona fide' sahaja yang boleh diniagakan.	<u>Selepas-penghantaran ECR-i</u> Di bawah mekanisme ini, pelanggan, sebagai pemilik bil eksport contohnya instrumen hutang, melantik Bank Islam sebagai ejen pemungut untuk mengutip pembayaran daripada pengimport. Memandangkan pembayaran perlu dibayar pada tarikh tertentu pada masa hadapan, pengeksport menjual hutang tersebut kepada Bank Islam untuk dana segera.

2 KETAHUI KEWAJIPAN ANDA

Bagi pembiayaan ini, **sebagai ilustrasi untuk pra-penghantaran:**

- Pembiayaan / Amaun Invois Anda = RM704,000.00
- Tarikh Invois = 30/06/2025
- Tarikh Penyerahan Permohonan = 04/07/2025
- Tempoh Kemudahan Anda = 120 hari
- Tempoh Pembiayaan = 116 hari
- Kadar Keuntungan Bank Islam = 5.33% (setahun)*
- Harga Jualan Bank Islam = RM715,925.18
- Margin Keuntungan Bank Islam = RM11,925.18

Secara keseluruhannya anda akan membayar RM715,925.18 pada akhir 116 hari.

Bagi pembiayaan ini, **sebagai ilustrasi untuk selepas-penghantaran:**

- Pembiayaan / Amaun Invois Anda = RM704,000.00
- Tarikh Invois = 30/06/2025
- Tarikh Penyerahan Permohonan = 04/07/2025
- Tempoh Kemudahan Anda = 120 hari
- Tempoh Pembiayaan = 116 hari
- Kadar Keuntungan Bank Islam = 5.33% setahun*
- Harga Jualan Bank Islam = RM692,074.82
- Margin Keuntungan Bank Islam = RM11,925.18

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Bayar Harga Jualan/Belian Bank Islam serta **fi dan caj** yang berkaitan pada tarikh akhir pembayaran.



Segera hubungi kami jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

**Nota: Untuk ilustrasi ini, Kadar Keuntungan Bank Islam terdiri daripada 4.33% (yang ditentukan oleh EXIM Bank dari semasa ke semasa) tambah 1% (margin maksimum yang dibenarkan untuk ditambah oleh Bank Islam).*

Secara keseluruhannya anda akan membayar RM704,000 pada akhir 116 hari.

Anda perlu membayar fi dan caj berikut:

- I. **Duti setem:** Seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Setem 1949 [Disemak 1989] (jika berkenaan).
- II. Fi dan Komisen.
- III. Caj SWIFT / Rentas (jika ada).
- IV. Pos dan Kurier (jika ada).
- V. **Pembatalan kemudahan:** Anda dikehendaki membayar semua kos (jika ada) kepada Bank untuk penyediaan dan pendaftaran dokumen keselamatan yang telah ditanggung oleh Bank Islam berkaitan dengan kemudahan tersebut termasuk semua perbelanjaan yang ditanggung semasa proses tuntutan.
- VI. **Caj pembayaran lewat:** Hendaklah dibayar melalui Ta`widh (caj pampasan) yang merujuk kepada jumlah yang bersamaan dengan Kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam semalaman harian semasa ke atas baki tertunggak iaitu Harga Jualan tertunggak ditolak Ibra' (jika ada).

Nota: Sila rujuk laman web kami di www.bankislam.com untuk maklumat lanjut mengenai fi dan caj.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda:

- I. Anda dikehendaki membayar pampasan kepada kami atas sebarang kerugian sebenar yang ditanggung oleh kami akibat pelanggaran janji (Wa`d) anda dan janji untuk membeli barang daripada kami.
- II. Anda perlu **membayar lebih secara keseluruhan** disebabkan oleh caj lewat bayar (caj ganti rugi / Ta`widh).
- III. Kami boleh **menolak** wang daripada mana-mana akaun anda yang ada dengan kami bagi menolak selesai baki pembiayaan anda yang tertunggak.
- IV. Kami boleh **mengambil tindakan undang-undang** dan **melaksanakan semua hak serta remedi** yang tersedia di bawah perjanjian cagaran.
- V. **Skor kredit** anda mungkin akan terjejas menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.
- VI. Jika anda gagal menyelesaikan ECR-i yang telah matang, anda **tidak dibenarkan** untuk menggunakan kemudahan tersebut selanjutnya dan proses pemulihan termasuk **proses undang-undang mungkin akan diambil** terhadap anda untuk mendapatkan semula jumlah yang terhutang.
- VII. Mencetuskan kemungkiran bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank Islam.

4 SYARAT UTAMA LAIN

- Maklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda.
- Perlindungan takaful adalah pilihan, namun, anda atau pembekal/pembeli anda dinasihatkan untuk melanggan sebarang perlindungan Takaful yang sesuai.
- Tiada penjamin atau cagaran diperlukan untuk kemudahan ini.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu / pemilik tunggal / perusahaan kecil dan sederhana.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk kami, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-26 900 900



Layari kami di
<https://www.bankislam.com>



E-mel kami melalui
contactcentre@bankislam.com.my

Perakuan Pelanggan

(Perakuan pelanggan ke atas PDS ini tidak akan menjejaskan hak merayu (redress) pelanggan jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk).

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- Saya mengakui Bank Islam telah memberikan kepada saya salinan PDS.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

Nama:
Tarikh: